

***PENYATAAN POLISI UNTUK KESIHATAN, KESELAMATAN,
PENGAWALAN DAN ALAM SEKITAR***

Di SSTCM, kami komited untuk:-

MENJAMIN PEMATUHAN

- Mematuhi semua undang-undang, peraturan dan syarat-syarat yang berkenaan, dan mengamalkan piawaian dan amalan HSSE yang terbaik di tempat kerja kami.

HSSE SEBAGAI AKTIVITI PERNIAGAAN KRITIKAL

- Mengurus hal berkenaan HSSE pada tahap yang bersamaan dengan mana-mana aktiviti perniagaan kritikal kami dengan menyediakan satu rangka kerja untuk menetapkan objektif HSSE.

PENGURUSAN RISIKO

- Mengurus risiko HSSE dan integriti yang berpotensi secara berkesan melalui langkah-langkah terkawal dan boleh dikenal pasti termasuk menghapuskan bahaya dan mengurangkan risiko HSSE bagi tujuan mengelakkan kecederaan, penyakit, kemalangan dan insiden di tempat kerja kami.

HSSE ADALAH CARA HIDUP

- Pastikan semua pekerja termasuk wakil memahami kebertanggungjawaban masing-masing dalam hal berhubung HSSE, rujukrunding secara berterusan, menyemak secara berulang kali, dan berkongsi komitmen untuk menambah baik standard HSSE secara berterusan.

PENGAWASAN PRODUK

- Mengoptimumkan penggunaan bahan dan tenaga yang cekap bagi menyediakan produk dan perkhidmatan yang mematuhi piawaian dan keperluan HSSE rakan perniagaan dan masyarakat.

HSSE merupakan bahagian yang kritikal dan penting dalam kehidupan dan perniagaan kami, dan, kami menasarkankan untuk mencapai prestasi HSSE yang boleh dibanggakan, di samping memperoleh kepercayaan dan penghormatan pihak berkepentingan, rakan perniagaan dan masyarakat.